

Timbang hantar pasukan pengaman jika diminta PBB

Jika PBB membuat keputusan, maka Malaysia akan memberi pertimbangan serius

NAJIB
TUN RAZAK
Timbalan
Perdana Menteri

Daripada HAMZAH SIDEK

LONDON 20 Julai - Malaysia akan memberikan pertimbangan serius untuk menghantar pasukan pengaman ke Lebanon jika ada permintaan daripada Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Bagaimanapun, jelasnya, perkara itu masih di peringkat cadangan dan bergantung kepada keputusan Majlis Keselamatan PBB.

"Jika PBB membuat keputusan, maka Malaysia akan memberi pertimbangan serius," katanya kepada wartawan Malaysia pada majlis pelancaran LIMA 2007 di Hotel Dorchester, di sini malam tadi.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan mengulas pergolakan berdarah di Lebanon berikutan serangan berterusan tentera Israel dan serangan balas kumpulan pejuang Hizbullah yang telah mengorbankan beratus-ratus orang awam di negara itu.

Kata Najib, keputusan muktamad mengenai perkara itu akan dibuat oleh Kabinet jika ada permintaan daripada PBB.

"Tapi berdasarkan pengalaman dan penyertaan kita di Bosnia dan kedudukan kita sebagai Pengerusi OIC, sudah tentu ada asas untuk Malaysia memberikan pertimbangan yang serius," tambahnya.

Ditanya mengenai rancangan untuk menjadikan Pusat Penyelidikan Tun Abdul Razak di Brickendonbury tidak jauh dari sini sebagai pusat latihan sukan tidak diluluskat oleh pihak berkuasa tempatan, beliau berkata perkara itu akan dikaji semula oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Sukan.

Najib yang juga pengerusi jawatankuasa berkenaan bagaimanapun berkata, setakat ini beliau belum menerima maklumat daripada Kementerian Belia dan Sukan mengenai kegagalan mendapatkan kebenaran membangunkan projek tersebut.

Menurutnya, pusat penyelidikan itu dipilih kerana ia dimiliki oleh Malaysia, lokasinya sesuai dan ini akan



NAJIB Tun Razak memperkatakan sesuatu kepada pegawai kanan Augusta Westland, Fulvio Maurogiovanni (kanan) sambil disaksikan oleh wakil Aerospace Media Fairs, Vittorio Rossi Prudente (tengah) semasa jamuan bagi mempromosikan LIMA 2007 di London, semalam.

-Bernama

menjimatkan perbelanjaan.

Mengenai LIMA 2007, Najib berkata ia akan diadakan pada skala lebih besar dengan tapak pameran diperluaskan daripada 22,000 meter persegi ke 30,000 persegi.

Beliau selaku Menteri Pertahanan melawat United Kingdom bagi meninjau kelengkapan pertahanan di Pertunjukan Udara Farnborough dan mempromosi LIMA

2007 di kalangan syarikat-syarikat peralatan pertahanan udara dan maritim di Eropah.

Rundingan lanjut telah diadakan dengan syarikat-syarikat berkenaan bagi membeli dua buah kapal friget buatan British, lapan pesawat Aermacchi buatan Itali dan kemungkinan beberapa helikopter.

- Utusan